

MAHATHIR-UCAPAN

DARI K.H.CHAN 1978

FRANKFURT, 24 MEI (BERNAMA) --PENDAPATAN EKSPORT MALAYSIA BAGI TEMPOH 1976-80 DIJANGKA MELEBIHI ANGKA-ANGKA UNJURAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, INI DAPAT DILIHAT DARI PROSPEK-PROSPEK PERTUMBUHAN, PENINGKATAN PELBAGAIAN EKSPORT DAN PRESTASI EKSPORT KEBELAKANGAN INI YANG TELAH BANYAK DISOKONG OLEH PERTUMBUHAN INDUSTRI PETROLIAM.

PERTAMBAHAN PENDAPATAN ITU AKAN MENINGKATKAN KEUPAYAAN MALAYSIA MENYELESAIKAN HUTANG-PIUTANGNYA.

BERUCAP DI MAJLIS JAMUAN YANG DIADAKAN OLEH BANK DRESNER BAGI MERAIKANNYA DI SINI MALAM TADI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, POTENSI PEMBANGUNAN INI +MENEKANKAN LAGI KEMAMPUAN KAMI UNTUK BERKEMBANG DAN MEMENUHI TANGGUNGJAWAB KAMI+.

KATANYA, WALAUPUN RANCANGAN MALAYSIA KETIGA MENYEDIAKAN KIRA-KIRA 50 PERATUS DARI KENAIKAN PADA PERINGKAT PELABURAN BERBANDING DENGAN YANG DI CAPAI DALAM TEMPOH YANG DIRANCANGKAN DULU, PEMBIAYAAN PELABURAN DALAM RANCANGAN MALAYSIA KETIGA DIJANGKA TIDAK MERUPAKAN MASALAH BESAR. --BERSAMBUNG 1030/AH

MAHATHIR-UCAPAN 2 FRANKFURT

+SAPERTI YANG SUDAH-SUDAH, + KATANYA, +PEMBANGUNAN EKONOMI KAMI BERGANTUNG KEPADA SUMBER-SUMBER ALAM NEGARA KAMI SENDIRI BAGI SEJUMLAH BESAR PEMBIAYAAN PELABURAN.

+KAMI SUDAH TENTU AKAN TERUS BERGANTUNG KEPADA MODAL ASING, PAIK BAGI AWAM DAN SWASTA, UNTUK MEMBANTU KAMI TETAPI KAMI AKAN TERUS MENEKANKAN DASAR BERDIKARI DARI SEGI BAHAWA KAMI AKAN CUBA SEBERAPA YANG BOLEH MENGEMBELINGKAN CAGARAN KAMI YANG DITOKOK OLEH MODAL ASING UNTUK MEMBIAYAI SEBAHAGIAN BESAR PELABURAN KAMI.

+DALAM DUNIA YANG TIDAK TENTU INI, SAYA BERPENDAPAT DASAR BERDIKARI ADALAH DASAR YANG PALING PAIK.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, DARI SEJUMLAH \$18,600 JUTA PERBELANJAAN PEMBANGUNAN YANG AKAN DIKENDALIKAN OLEH SEKTOR AWAM, \$12,800 JUTA AKAN DIBIYAI DARI PUNCA-PUNCA DALAM NEGERI DAN BAKINYA DARI LUAR NEGERI.

DENGAN ITU, HAMPIR 70 PERATUS DARI PELABURAN YANG DIUNJURKAN BAGI SEKTOR AWAM AKAN DIBIYAI DARI SUMBER-SUMBER DALAM NEGERI, KATANYA. --BERSAMBUNG 1036/AH

£8514

MAHATHIR-UCAPAN 3 FRANKFURT

MENGENAI SUMBER-SUMBER ASING, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, SEBAHAGIAN BESAR DARI MODAL LUAR NEGERI YANG DIPERLUKAN UNTUK MEMBIYAI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN MALAYSIA DIJANGKA DATANG DARI PINJAMAN-PINJAMAN DARI BANK DUNIA DAN BANK PEMBANGUNAN ASIA.

INI AKAN DITOKOK OLEH PINJAMAN PASARAN DAN KREDIT DUHALA, TAMBAHNYA.

+BOLEHLAH SAYA KATAKAN DI SINI, MESKIPUN PINJAMAN DARI LUAR NEGERI ADALAH BESAR, BEBAN MENGURUS HUTANG-PIUTANG ASING BAGAIMANAPUN AKAN TERUS KEKAL PADA PERINGKAT YANG KECIL, + KATANYA.

+URUSAN HUTANG-PIUTANG LUAR NEGERI TERMASUK PEMBAYARAN SEMULA AKAN BERTAMBAH SEBANYAK KIRA-KIRA TUJUH PERATUS DARI JUMLAH EKSPORT DALAM TAHUN 1980, SATU BEBAN URUSAN HUTANG-PIUTANG YANG PALING RENDAH DI KELANGAN NEGARA-NEGARA YANG BERADA DI PERINGKAT PEMBANGUNAN YANG SAMA.+

KATANYA, DARI SEJUMLAH \$26,500 JUTA PELABURAN OLEH SEKTOR SWASTA DALAM RANCANGAN MALAYSIA KETIGA, KIRA-KIRA 14 PERATUS ATAU \$3,700 JUTA DIJANGKA DIBIYAI DARI ALIRAN MASUK MODAL SWASTA JANGKA PANJANG. --BERSAMBUNG 1041/AH

EE

B515

MAHATHIR-UCAPAN 4 FRANKFURT

SEKTOR AWAM DIJANGKA MENYEDIAKAN 24 PERATUS ATAU \$6,400 JUTA DARI KEPERLUAN KESELURUHANNYA, MENINGGALKAN 62 PERATUS ATAU \$16,400 JUTA UNTUK DIBIYAI OLEH CAGARAN SWASTA, TERMASUK KEUNTUNGAN FIRMA-FIRMA YANG TIDAK DIBAHAGI-BAHAGIKAN SERTA PINJAMAN DARI SISTEM KEWANGAN.

BANK-BANK PERDAGANGAN, SYARIKAT-SYARIKAT KEWANGAN DAN BANK-BANK PERNIAGAAN DIJANGKA MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM MEMENUHI KEPERLUAN KREDIT DARI SEKTOR SWASTA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEKANKAN BAHAWA STRATEGI KEWANGAN YANG DIAMALKAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA BERTUJUAN MENENTUKAN BAHAWA PEMBIAYAAN PROGRAM PELABURAN AKAN DIKENDALIKAN DALAM PERSEKITARAN KESTABILAN KEWANGAN AGAR PEMBANGUNAN EKONOMI DI MALAYSIA BERGERAK DENGAN KESTABILAN HARGA.

BERDASARKAN INI, SEBAHAGIAN BESAR DARI PEMBIAYAAN YANG DIUNJURKAN AKAN BERDASARKAN KEPADA SUMBER-SUMBER YANG TIDAK BERBENTUK INFLASI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, +SUDAH TENTU KAMI AKAN TERUS BERGANTUNG KEPADA MODAL ASING, SEPERTI YANG SUDAH-SUDAH, UNTUK MENOKOK TAMBAH SUMBER-SUMBER KAMI. --BERSAMBUNG 1047/AH

MAHATHIR-UCAPAN 5 FRANKFURT

+KAMI MENGAKUI PERANAN PENTING YANG DIMAINKAN OLEH PELABURAN ASING DALAM USAHA-USAHA PEMBANGUNAN KAMI.

+KAMI MENGAKUI SUMBANGAN PENTING YANG DIBUAT OLEH SEKTOR ASING TERHADAP PERTUMBUHAN DAN PROSES PEMODENAN SEKTOR PERTANIAN DAN KEUPAYAAN PERKILANGAN KAMI.

+KAMI MENGALU-ALUKAN MEREKA YANG MEMPUNYAI PENGETAHUAN TEKNIK, SUMBER-SUMBER MODAL DAN KESEDIAAN UNTUK BERKERJASAMA DENGAN ASPIRASI EKONOMI DAN SOSIAL KAMI SEBAGAI RAKAN BAGI MEMBANTU MEMBANGUNKAN NEGARA KAMI.+